

20 NOV 1999

Pencalonan-Kubang Pasu

DR MAHATHIR DICABAR SUBKY DI KUBANG PASU

ALOR SETAR, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadapi pertandingan satu lawan satu dengan anggota Jawatankuasa PAS Pusat Subky Latif bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya ke-10 ini.

Pengurus Pilihan Raya Kubang Pasu, Datuk Ahmad Farouk Che Ibrahim mengumumkan nama-nama calon kawasan Parlimen itu pada 1.10 tengah hari di pusat penamaan calon di Pejabat Daerah Kubang Pasu.

Apabila pengumuman itu dibuat, para penyokong kedua-dua calon bersorak dan melaungkan slogan bagi menyokong calon masing-masing.

Dr Mahathir, Presiden Umno dan Pengerusi BN, mewakili kawasan Kubang Pasu sejak pilihan raya umum 1974.

Cabaran satu lawan satu itu sememang sudah dijangka walaupun pada mulanya ramai menduga bukan Subky yang akan menentang Dr Mahathir.

Bekas pensyarah universiti Prof Datuk Harun Din telah disebut-sebut pada awalnya akan turun padang di Kubang Pasu, tetapi kemudian beliau dinamakan oleh PAS sebagai bakal calonnya bagi Dewan Undangan Negeri Perlis, kawasan Tambun Tulang.

Bagaimanapun hari ini, PAS meletakkan Ismail Ahmad untuk mencabar Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim di kawasan itu.

Dr Mahathir, yang juga Ketua Bahagian Umno Kubang Pasu, memperolehi majoriti 17,226 undi pada pilihan raya umum lepas apabila mengalahkan calon PAS Ahmad Mohd Alim yang cuma mendapat 7,269 undi.

Kawasan Parlimen Kubang Pasu mempunyai 47,355 pemilih bagi pilihan raya umum ke-10 ini. Mereka terdiri daripada 39,643 pengundi Melayu, 5,124 Cina, 2,109 India dan bakinya kaum lain.

-- BERNAMA

TM NMO